

5 strategi gerakkan kegemilangan Melayu

Um- 19/2/2008

Oleh **MARZUKI YUSOFF**
dan **HARADIAN SHAH**

KUALA TERENGGANU 18 Feb. - Timbalan Perdana Menteri menggariskan lima strategi untuk menggerakkan kegemilangan orang Melayu, yang antara lain mahu mereka membina jaringan perniagaan global.

Di bawah strategi jaringan perniagaan global itu, Datuk Seri Najib Tun Razak melihat orang Melayu akan memperoleh lebih banyak peluang untuk berjaya dalam perniagaan yang semakin sengit dan perlu bersaing di peringkat global.

Menurutnya, 'citra global' membolehkan golongan usahawan dan syarikat besar mengembangkan sayap perniagaan ke negara-negara yang selama ini tidak terjangkau disebabkan faktor geografi dan politik.

Beliau berkata, jika dahulu persaingan yang dihadapi adalah antara etnik, tetapi persaingan baru kini adalah antara negara.

"Felda contohnya merupakan pemilik ladang kelapa sawit dan getah seluas dua juta ekar dan tuan punya estet terbesar di dunia dan saya telah mengarahkan Felda yang mempunyai 49 anak syarikat menjadi pelaku global yang aktif.

"Satu ketika nanti, Felda akan mengikut jejak Petronas menjadi multinasional yang global sifatnya dan diterajui oleh pengurusan Melayu yang juga global kehebatannya," tegas beliau.

Najib berkata demikian dalam ucapan bertajuk, 'Menjana Melayu Global' di hadapan lebih 500 peserta terdiri daripada ahli politik, ekonomi, cendekiawan dan pelajar di Konvensyen Melayu Global di Hotel Primula, di sini hari ini.

Turut hadir pada konvensyen julung kali diadakan anjuran Institut Pembangunan Terengganu (TDI) dengan kerjasama kerajaan negeri itu ialah Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh.

Strategi lain yang dilontarkan oleh Najib pada ucapannya adalah membentuk peribadi Melayu global yang antara lain memiliki empat faktor utama iaitu wawasan, usaha, keupayaan dan sikap.

Di bawah strategi ketiga pula, beliau mahu lebih ramai orang Melayu yang memiliki kepakaran bersifat global diwujudkan kerana faktor itu akan melayakkan mereka untuk terlibat secara aktif di semua peringkat termasuk dalam kelompok elit.

Beliau memberi contoh orang Melayu bukan sahaja memiliki kepakaran dalam bidang teknologi maklumat dan bioteknologi dalam negara tetapi perlu mampu menjadi tokoh profesional dan tokoh korporat peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam strategi seterusnya, Najib menekankan betapa pentingnya orang Melayu menguasai ilmu dan maklumat global kerana bagi beliau 'maklumat adalah kuasa'.

"Menerusi maklumat global, orang Melayu akan lebih peka dengan persekitaran global, sekali gus membolehkan mereka bertindak selari dengan perkembangan semasa.

"Sehubungan itu, setiap keluarga Melayu wajar mempunyai sebuah komputer dan barulah kehebatan ilmu serta maklumat dapat dirasai ledakannya," tegas beliau.

Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya turut mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan terus ketinggalan sekiranya masih tidak bersedia menjerah ke arena antarabangsa dan kurang



NAJIB Tun Razak memakaikan pangkat kolonel kehormat pendukung Askar Wataniah kepada Idris Jusoh sambil dibantu oleh Abdul Aziz Zainal (kanan) di Hotel Primula, Kuala Terengganu semalam.

berjaya di negara sendiri.

Kata beliau, jika keadaan itu berterusan, orang Melayu akan terus layu dan tidak bermaya untuk menghadapi arus 'tsunami' ledakan perubahan yang sedang berlaku.

"Kita sebenarnya sudah kesuntukan masa, apalagi Wawasan 2020 hanya ting-

gal 15 tahun saja lagi.

"Apabila fajar menyingsing pada 1 Januari 2020, jangan dikesali, jangan ditangisi jika pada saat itu orang lain telah maju tapi kita masih terkebelakang.

"Sebelum air mata darah menitis penuh kekesalan, marilah kita bertindak dari sekarang," tegasnya.